

▣ Zakaria Stapa

Profesor Emeritus Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalam kehidupan harian masyarakat Muslim di Malaysia kebelakangan ini, terdapat banyak perkara yang berlaku sehingga menyebabkan timbulnya persoalan dalam kalangan masyarakat tentang harga diri dan perasaan malu bagi seorang Muslim.

Pada aras manakah sebenarnya terletak maruah dan harga diri bagi Muslim yang terlibat? Masihkah berbaki rasa malu dan harga diri tersebut dalam diri Muslim berkenaan atau sudah benar-benar larut terhakis bersama-sama dengan perlakuan mungkar yang dilakukan? Perkara ini kelihatan jelas banyak berlaku dalam pelbagai sektor kehidupan ummah, khususnya dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Muslim yang waras dan berpegang dengan ajaran agama tentunya terkejut dan mengeluh apabila terdapat dalam kalangan saudara mereka tanpa sebarang silu dan malu sanggup mengaku secara terbuka di media sosial tentang perbuatan mereka yang terkutuk dari segi agama. Malah, seolah-olah bagaikan wujud rasa bangga pula dengan perbuatan tersebut. Tidak kurang pula mereka yang membuang bayi luar nikah di merata-rata tempat untuk menutup malu daripada perbuatan zina yang dilakukan. Di samping itu, bukan sedikit Muslim



Muslim Semasa

Ketandusan Rasa Malu dan Kemuflihan Harga Diri

yang terjebak dalam perlakuan rasuah dan pecah amanah yang melibatkan jumlah kewangan atau aset yang banyak, malah mencecah berbilion ringgit. Inilah sebahagian fenomena yang dapat diperhatikan sedang terjadi dalam kalangan umat Islam.

Walau bagaimanapun, sekiranya diteliti dan dianalisis secara lebih mendalam, perkara seumpama itu terjadi kerana didorong oleh sejumlah faktor dan suasana kehidupan yang wujud dalam masyarakat. Faktor utama ialah pengagungan terhadap doktrin materialisme, iaitu satu doktrin yang berpegang pada keyakinan bahawa kejayaan dan kemajuan material ialah suatu yang unggul dan mempunyai nilai tertinggi dalam hidup. Anutan terhadap doktrin sebegini terdapat di merata-rata di Barat pada masa ini, malah di seluruh pelusok dunia, termasuk Malaysia. Hal ini pastinya mengetepikan nilai akhlak dalam proses interaksi dan muamalat manusia dalam kehidupan harian mereka.

Di Malaysia, fakta seumpama ini juga dapat dilihat dengan jelas. Dalam proses untuk mendapatkan sesuatu yang diyakini sebagai bernilai tinggi dan berprestij, manusia pastinya akan menggunakan apa-apa jua cara, sekalipun bertentangan dengan nilai akhlak yang mulia. Pada tahap inilah, akan terhakis dan lunturnya identiti dan jati diri keislaman seseorang Muslim tersebut, sehinggalah ke tahap boleh kehilangan maruah dan harga diri. Doktrin materialisme ini ternyata telah memaksakan pengaruhnya ke atas umat Islam

sehingga mereka terpasung dalam kongkongan fahaman berkenaan.

Kemudian, sekiranya fenomena hilang rasa malu sehingga mencalarakan harga diri yang terjadi dalam kalangan umat Islam tersebut dianalisis berdasarkan perspektif kerohanian Islam, maka hal tersebut akan berkaitan langsung dengan suatu aspek psikologi rohaniah Islam yang cukup mendalam yang memberikan tumpuan khusus terhadap aspek pembangunan *al-nafs* manusia. *Al-nafs* seperti yang dijelaskan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* mempunyai dua pengertian seperti yang berikut:

1. Pengertian yang merangkumi kesemua kekuatan marah serta hawa nafsu yang terdapat dalam diri manusia, yang merupakan punca bagi semua sifat tercela.
2. Hakikat diri serta zat sebenar diri manusia itu sendiri.

Berdasarkan pengalaman dan penghayatan terhadap isi kandungan psikologi rohaniah berkenaan, dijelaskan bahawa dalam *al-nafs* manusia tersebut terdapat dua tabiat yang diistilahkan sebagai *al-syahwat* dan *al-hawa*. Istilah *al-syahwat* dalam konteks ini merujuk satu penamaan dalam bentuk umum terhadap asas tuntutan untuk mendapatkan kelazatan. Asas tersebut muncul pada setiap sudut badan manusia yang sentiasa cuba merealisasikan pelbagai tujuannya, dan pancaindra diminta memberikan

khidmat dalam merealisasikan tujuan tersebut. Oleh itu, syahwat perut ialah makan dan minum, syahwat mata memandang, syahwat telinga mendengar, syahwat lidah bercakap, syahwat mulut merasa (mengecap), syahwat hidung menghidu, syahwat lidah bercakap, syahwat tubuh bersentuhan, dan begitulah seterusnya.

Al-hawa pula merujuk kecenderungan tabii yang menguasai *al-nafs* dan segala laku perbuatannya dalam usaha dan percubaan untuk merealisasikan segala bentuk kegemaran *al-nafs* tersebut. *Al-hawa* ini diperihalkan sebagai berkedudukan pada pihak yang bertentangan dengan akal. Oleh itu, dalam diri seseorang manusia itu selamanya merupakan medan tempur antara akal dengan *al-hawa*, iaitu semua pihak sentiasa menarik ke arah kemahuan dan kegemaran masing-masing.

Tabiat *al-hawa* ini lebih umum daripada kegemaran kepada kelazatan yang bersifat boleh dilihat atau dirasai dengan deria. Tabiat tersebut tidak terbatas pada pertempuran dalam diri yang bersifat tabii demi merealisasikan rasa kelazatan pada satu daripada anggota badan seperti yang berlaku pada tabiat *al-syahwat*. Malahan lebih daripada itu, tabiat tersebut merupakan suatu pertempuran ke arah mendapatkan kelazatan lain yang bersifat tidak boleh dilihat atau dirasai dengan deria, seumpama kelazatan memiliki kuasa, kebesaran dan penghormatan.

Manusia dituntut untuk melakukan pelbagai amalan soleh dalam kehidupan dunia, termasuk melakukan perkara kebaikan ke arah melahirkan tamadun berkualiti untuk mencapai kehidupan abadi yang aman dan damai di akhirat nanti. Dengan segala perlakuan baik tersebut pastinya manusia boleh lahir menjadi penjana kebaikan dalam kehidupan, bukan melakukan perkara sebaliknya yang boleh mencalarakan kemanusiaan manusia yang merupakan makhluk terbaik ciptaan Allah SWT.

Walau bagaimanapun, kedua-dua tabiat *al-nafs* tersebut mestilah dikawal, dilatih dan dididik dengan sempurna supaya kedua-duanya berada dalam keadaan yang sesuai dengan kehendak syariat Islam dan akal murni manusia yang merupakan pengukur nilai akhlak mulia yang diterima pakai oleh para moralis Muslim seperti Imam al-Ghazali. Sekiranya kedua-dua tabiat berkenaan dibiarkan tanpa latihan dan didikan yang sempurna dengan menggunakan pendekatan seumpama *tazkiyat al-nafs*, maka tabiat itu boleh muncul menjadi penghancur atau pemusnah kepada manusia dan kemanusiaan seluruhnya.

Gambarkan sahaja misalnya syahwat lidah yang boleh dan suka berkata-kata, hal tersebut semestinya perlu dilatih dan dikawal supaya menggunakan upaya percakapan itu untuk mengungkapkan perkara berfaedah seperti berzikir, membaca kalam Allah SWT dan memberikan nasihat, bukannya menjadi penabur fitnah dan pengadu domba di tengah-tengah masyarakat, sehingga boleh mengakibatkan runtuhnya perpaduan dan kedamaian hidup. Demikian jugalah tabiat syahwat

lain yang ada pada manusia, khususnya tujuh anggota lahir manusia yang amat diambil berat oleh golongan kerohanian Islam, iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Hal ini bermaksud, dalam proses pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* anggota lahir yang tujuh tersebut mestilah dibersihkan daripada melakukan perbuatan atau perilaku yang ditegah oleh syariat Islam.

Hal ini seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Daripada Abu Hurairah r.a. beliau berkata: Rasulullah SAW disoal tentang perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk syurga. Rasulullah SAW (menjawab) dengan bersabda: 'Takwa kepada Allah dan akhlak yang mulia.' (Kemudian) Baginda disoal pula tentang perkara yang banyak menyebabkan manusia masuk neraka. Rasulullah SAW (menjawab) dengan bersabda: 'Mulut dan kemaluan.'"

Cukup jelas bahawa anggota lahir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk kegunaan dan kenikmatan hidup manusia di dunia ini, akan menjadi penyebab kepada kejatuhan diri mereka sendiri sekiranya tidak digunakan dengan betul seperti

yang dikehendaki oleh syariat Islam.

Dalam konteks *al-hawa* pula, jika dibiarkan tanpa dilatih dan dididik dengan sempurna, akan muncullah dalam diri manusia akhlak buruk yang amat ditakuti oleh kalangan moralis Muslim. Antaranya termasuklah perkara yang diistilahkan dalam disiplin akhlak Islam sebagai *hub al-dunya wa karahiyat al-maut* (cinta dunia dan benci akan kematian). Sifat ini selalunya ditandai oleh usaha gigih secara bermati-matian mencintai sesuatu yang bersifat keduniaan, dan pada waktu yang sama bermati-matian pula benci dan takut akan kematian. Sifat seumpama ini selalunya akan menyebabkan orang yang menganutinya melakukan apa-apa sahaja, tanpa mengira dengan cara dan jalan mana sekalipun, demi mencapai sesuatu yang bersifat keduniaan tersebut.

Contohnya seperti yang terungkap dalam firman yang bermaksud, "Ketahuilah, bahawa sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah permainan dan suatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanam-tanamannya

mengagumkan para petani; kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian menjadi hancur. Dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan ampunan daripada Allah serta keredaan-Nya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu.” (Surah al-Hadid 57:20)

Berdasarkan ayat berkenaan, cukup jelas bahawa aspek keduniaan yang dituntut oleh ajaran Islam supaya tidak dicintai, malahan dijauhi tersebut merupakan sesuatu yang tidak lebih daripada tipu daya dan hanya bersifat sementara belaka. Hal ini jelas tertumpu kepada bentuk gaya hidup bersuka ria dengan pelbagai permainan yang melalaikan, berhibur, berhias, bermegah-megah antara satu sama lain serta berlumba-lumba dalam kegiatan pengumpulan harta yang kesemuanya itu boleh menggambarkan kerendahan taraf dan nilai manusia itu sendiri. Di samping itu, hal tersebut juga boleh menimbulkan perbalahan dalam kalangan manusia demi mendapatkan semua perkara yang bersifat keduniaan tersebut. Hal itulah yang dikatakan sebagai kehidupan dunia yang dilarang oleh ajaran Islam kerana boleh menyebabkan manusia terperangkap dan tenggelam dalam kelalaian, lalu tersasar daripada matlamat dan misi hidup mereka hadir ke alam ini, iaitu untuk beribadat kepada Allah SWT dalam pengertiannya yang universal.

Oleh itu, dalam konteks ini, perlu difahami dengan baik bahawa ajaran Islam tidak

sesekali merujuk pengertian dunia atau keduniaan itu kepada masa atau tempoh waktu yang di dalamnya ada malam dan siang yang sememangnya manusia sudah sedia ditakdirkan hidup dalam lingkungan masa berkenaan. Malahan, pentakdiran hidup dalam tempoh waktu malam dan siang itu merupakan aset atau modal kepada makhluk manusia untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi merealisasikan tuntutan matlamat kehadiran manusia di alam ini. Atas asas inilah, ajaran Islam menjelaskan bahawa dunia dan hidup di dalamnya merupakan ladang untuk kehidupan akhirat.

Dalam pengertian lain, manusia dituntut untuk melakukan pelbagai amalan soleh dalam kehidupan dunia, termasuklah melakukan perkara kebaikan ke arah melahirkan tamadun yang berkualiti demi mencapai kehidupan abadi yang aman dan damai di akhirat nanti. Dengan segala perlakuan baik tersebut pastinya manusia menjadi penjana kebaikan dalam kehidupan, bukan melakukan perkara sebaliknya yang boleh mencalarakan kemanusiaan

manusia yang merupakan makhluk terbaik ciptaan Allah SWT.

Masalah besar yang dihadapi oleh umat Islam semasa, termasuk di Malaysia, adalah mereka tidak disediakan secukupnya dengan pendidikan kerohanian. Perihal yang dibincangkan dalam tulisan ini dari segi latihan, pendidikan dan pengawalan aspek *al-nafs* manusia merupakan satu perkara yang terabai dan tidak berjaya diselesaikan oleh pelbagai institusi yang wujud di tengah-tengah masyarakat pada masa ini. Dengan hal demikian, maka terhasillah Muslim yang sanggup melakukan perkara yang tidak bermaruah dan amat memalukan, yang kelihatan dalam sesetengah keadaan berasa bangga pula dengan perbuatan tidak bermaruah tersebut. Oleh itu, masyarakat Muslim tidak ada jalan lain selain perlu kembali memikirkan dan melaksanakan secara serius pendidikan kerohanian bagi mengelakkan umat Islam daripada terus terpasung dalam kancah pencemaran akhlak yang amat memalukan. 🕌

